

Maklumat perniagaan yang hendak dijalankan.

Alamat cawangan(jika ada)

Pengesahan pemilik tunggal/rakan kongsi

Maklumat pemilik

1. Usahawan perlu mendaftarkan perniagaan di mana- mana cawangan pendaftaran perniagaan. Langkah pertama adalah mengisi borang A. lengkapkan maklumat yang terdapat pada borang A pada jadual di bawah

Bahagian	Maklumat
A	
B	Jenis perniagaan
C	
D	
E	

2. Terdapat berapakah prosedur memulakan perniagaan?

- A. Empat
- B. Lima
- C. Tiga

3. Antara berikut, manakah tidak tersenarai dalam senarai membuat perancangan?

- A. Kenalpasti peluang perniagaan
- B. Pemilihan lokasi tidak semestinya strategik
- C. Atur strategi pemasaran
- D. Daftar perniagaan

2. Yang manakah bukan isu yang perlu dipertimbangkan sebelum memulakan perniagaan.

- A. Mengenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan
- B. Melaburkan saham
- C. Menilai peluang pekerjaan
- D. Merangka rancangan perniagaan

3. Antara berikut pihak berkuasa tempatan manakah yang tidak boleh mengeluarkan lesen perniagaan
- A. KKM
  - B. Majlis Daerah
  - C. Majlis Perbandaran
  - D. Majlis Banndaraya

## Bahagian B

1. (a) Anis ingin telah kehilangan pekerjaannya. Beliau merancang untuk menjalani perniagaan. Namun Anis perlu membuat pertimbangan yang terbaik sebelum memulakan perniagaannya. Lengkapkan jadual di bawah mengenai pertimbangan yang perlu dikaji oleh Anis.



Pertimbangan sebelum memulakan perniagaan	Huraian
	Setiap perniagaan biasanya bermula daripada wujudnya keperluan dan kehendak pelanggan terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan. Keperluan merupakan perkara asas yang mesti diperolehi, dimiliki dan digunakan dalam kehidupan seseorang, manakala kehendak pula merupakan keinginan atau kemahuan peribadi untuk sesuatu yang lebih sempurna. Oleh itu, seseorang usahawan perlu sentiasa peka tentang perubahan yang berlaku dalam keperluan dan kehendak pelanggan untuk mengenal pasti peluang perniagaan yang wujud.
	Dalam usaha meninjau peluang perniagaan, perkara penting yang perlu diambil kira ialah persekitaran, penilaian diri dan nilai masyarakat. Perubahan struktur penduduk, peningkatan pendapatan dan perubahan cita rasa masyarakat setempat terhadap makanan segera meningkat maka wujud pelbagai premis seperti Mcdonalds, Pizza Hut dan lain-lain.
	Usahawan mungkin mempunyai pelbagai peluang bagi memulakan perniagaan. Pilihan yang perlu dilakukan secara rasional dengan memilih perniagaan yang sah di sisi undang-undang, kuasa monopoli dan tahap persaingan, keperluan modal serta risiko yang akan ditanggung.
	Setelah menganalisis dan menilai peluang perniagaan yang ada bagi memulakan perniagaan, usahawan perlu merangka rancangan perniagaan. Rancangan perniagaan penting untuk usahawan menjadikannya sebagai satu garis panduan untuk memulakan dan memajukan perniagaan.